

07/11/2001

Tiada undang-undang awasi menteri

KERAJAAN tidak berhasrat untuk mewujudkan undang-undang baru bagi mengawasi tingkah laku menteri kerana semua ahli Kabinet tertakluk di bawah Akta Fungsi Menteri yang mengawal selia pencapaian tugas mereka.

Bagaimanapun, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Rais Yatim berkata kerajaan mengakui ada perkara yang timbul dari semasa ke semasa yang perlu diatasi mengikut keperluan dan tindakan awam.

"Akta Fungsi Menteri sudah menentukan tugas menteri sejak merdeka sehingga hari ini.

"Namun, dari semasa ke semasa, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengarahkan semua menteri Kabinet meningkatkan prestasi mereka ke tahap maksimum," katanya ketika menjawab soalan tambahan Lee Kah Choon (BN-Jelutong) di Dewan Rakyat semalam.

Pada masa yang sama, Dr Rais berkata, kerajaan masih menimbang cadangan untuk mengadakan etika bagi mengawal tingkah laku ahli politik.

Beliau berkata, isu untuk merangka peraturan bagi mengawal tingkah laku ahli politik seharusnya dilihat proses mewujudkan piawaian tertentu supaya bidang politik dihormati masyarakat.

"Pada masa ini, negara mempunyai peraturan tertentu yang terpakai kepada ahli badan profesional, perkhidmatan awam, pendidikan, kakitangan pasukan seragam dan hakim.

"Sehubungan itu, syor mewujudkan etika bagi ahli politik masih berada pada peringkat cadangan dan mungkin suatu masa nanti, mereka juga akan mematuhi peraturan tertentu bagi menjamin kewibawaan bidang itu," katanya.

Menjawab soalan tambahan Datuk Dr Yusof Yacob (BN-Sipitang), Dr Rais berkata, Peguam Negara sedang meneliti bukti ucapan beberapa ahli politik yang didapati mengandungi unsur hasutan.

"Setakat ini ada beberapa kes yang sedang diteliti Peguam Negara, sama ada ahli politik terbabit boleh dikenakan tindakan di bawah Seksyen 3 dan 4, Akta Hasutan 1948," katanya.

Beliau berkata, masalah kerajaan kini adalah menentukan sesuatu ucapan itu mirip kepada perbuatan menghasut.

Katanya, bagi mereka yang mempunyai bukti atau rakaman kepada ucapan mana-mana ahli politik yang mengandungi unsur hasutan, boleh membuat laporan dan bukti berkenaan digunakan di dalam mahkamah.

(END)